

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** untuk menyatakan apakah perancangan dan inisiatif yang diambil oleh Kementerian dalam memperkukuhkan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi menyediakan anak kita dengan perubahan teknologi di bawah RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 telah dibangunkan bagi memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih kompetitif dan cekap melalui asas STI yang kukuh. Selaras dengan Teras Strategik Ke-5 DSTIN iaitu Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menganjurkan program kesedaran sains, teknologi dan inovasi.

MOSTI mempunyai Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara sebagai pusat pendidikan tidak formal yang menawarkan program-program pengajaran dan pembelajaran dalam bidang sains secara interaktif dan maya.

Selain itu, IBSE yang merupakan pendekatan pembelajaran Sains berasaskan inkuiri atau ***Inquiry-Based Science Education (IBSE)*** telah diperkenalkan semenjak tahun 2017 lagi bagi membantu guru untuk bertindak sebagai fasilitator dan pembelajaran tertumpu kepada murid. MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia telah bekerjasama dengan Pusat STEM Negara dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM ini.

Dalam hal ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha untuk meningkatkan minat pelajar dan masyarakat terhadap pendidikan dan kerjaya dalam bidang Sains, Teknologi, 'Engineering' dan Matematik (STEM) secara **pendidikan tidak formal** melalui pendekatan :-

- (i) **Memupuk kemahiran berfikir** melalui aktiviti yang menjana proses-proses berfikir dan menerapkan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Strategi ini dicapai melalui inisiatif latihan kepada pengajar terutamanya guru sains, guru matematik dan fasilitator sains menggunakan modul-modul pendidikan pengajaran sains tidak formal.;
- (ii) **Memupuk teknik penyelesaian masalah** melalui aktiviti sains yang berkait rapat dengan kehidupan seharian seperti penggunaan bahan-bahan kitar semula sebagai bahan eksperimen; dan
- (iii) **Penyuntikan elemen keseronokan** berbentuk *edutainment* dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran sains dan matematik seperti gabungan seni dan sains melalui muzik, gambar dan bahan persekitaran serta penggunaan multi-sensori dalam pembelajaran sains yang tidak terikat dengan rutin hafal dan salin.

Sekian, terima kasih.